

Usahawan tempatan dipelawa rebut peluang di Lubnan

PUTRAJAYA, Rabu - Malaysia akan merebut peluang perniagaan di Lubnan yang amat berpotensi dan negara itu kini mempelawa peniaga tempatan untuk turut serta dalam program pen-swastaaan di sana, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Malaysia juga menerusi sektor swasta akan kembali membina hotel di Beirut yang pernah dirancang sebelum ini tetapi rancangan itu terpaksa ditarik balik berikutan kegawatan ekonomi serantau pada 1997.

Beliau berkata, Malaysia sudah mengenal pasti bidang telekomunikasi dan pembinaan untuk disertai di Lubnan kerana ia amat berpotensi ketika Beirut membina semula bandar rayanya.

"Sekarang ini industri pelancongan Lubnan meningkat secara mendadak dan kadangkala hotel penuh.

"Bila kita pergi sana, kita ingin membina hotel tetapi disebabkan (krisis ekonomi) 1997, kita terpaksa menarik diri. Tetapi sekarang ini, sudah tiba masanya untuk kita pergi sekali lagi dan mereka sudah membina semula keseluruhan bandar raya.

"Ia sangat popular sekarang kerana orang Arab tak pergi ke Eropah atau Amerika Syarikat. Mereka semua berpusu ke Lubnan. Sebab itu, Arab Airline menambahkan penerbangan ke Beirut.

"Oleh itu, kita juga mungkin mengkaji mengenai dasar langit terbuka dengan mereka," katanya ketika ditemui selepas mengadakan pertemuan empat mata dengan rakan sejawatannya dari Lubnan Rafic Hariri di kediaman rasmi Perdana Menteri, Seri Perdana di sini, hari ini.

Terdahulu, Hariri yang ditemani 51 ahli rombongan termasuk Menteri Kewangan, Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, Gabenor Bank Pusat dan beberapa ahli perniagaan negara itu diraikan Dr Mahathir pada jamuan tengah hari.

Hariri tiba di sini malam tadi untuk lawatan tiga hari bagi memperkukuhkan hubungan antara kedua-dua negara.

Dagangan di antara Malaysia dan Lubnan meningkat 24.9 peratus kepada AS\$31.1 juta tahun lalu berbanding AS\$25 juta tahun sebelumnya.

Dr Mahathir berkata, dagangan Malaysia dengan Lubnan sudah meningkat tetapi buat masa ini, negara terbabit tidak melabur di sini.

Bagaimanapun, beliau menyifatkan Beirut sebagai berpotensi untuk dijadikan pusat pengagihan kerana ia mempunyai rantaian baik dengan Syria dan juga Iraq.

"Jadi kita mengkaji aspek ini. Mereka akan menswastakan banyak fungsi kerajaan dan mereka mempelawa kita untuk turut serta. Pada masa yang sama, ada peluang lain bagi kita untuk melabur di sana," katanya.

Katanya, Petronas sebelum ini juga ada melahirkan minat untuk melabur di Lubnan.

Sementara itu, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata beberapa syarikat Malaysia akan terbabit dalam pengurusan lapangan terbang dan pelabuhan di Lubnan apabila kedua-dua negara menandatangani perjanjian usahasama dalam bidang berkaitan, Julai ini.